

**MAKLUMAN KEPADA SEMUA PUSAT TANGGUNG JAWAB
DI BAWAH SELIAAN JANM PULAU PINANG**

Tuan/Puan,

**PENGHANTARAN PENGESAHAN BAKI KOD AKAUN ASET BUKAN KEWANGAN (LAMPIRAN C1) UNTUK
TUJUAN PENYEDIAAN KERTAS KERJA SOKONGAN (KKS) PENUTUPAN AKAUN AKHIR TAHUN LEJAR
AKRUAN BAGI TAHUN 2021**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat **ANM PG. 800-16 Jld. 4 (83)** bertarikh 19 Januari 2022 dan Taklimat Penyediaan KKS Penutupan Interim Akaun Akhir Tahun Lejar Akruan Pada 31 Disember 2021 bertarikh 20 Januari 2022 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Pengesahan Baki Kod Akaun Aset Bukan Kewangan (Siri A14* - A25*) telah boleh dilaksanakan mulai 14 Februari 2022. Pengesahan Baki tersebut perlu dikemukakan kepada pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Pulau Pinang selewat-lewatnya pada **25 FEBRUARI 2022 (JUMAAT)**. Bersama ini turut dilampirkan **Lampiran A : Tatacara Pengesahan Baki Kod Akaun Aset Bukan Kewangan (Lampiran C1)** untuk perhatian dan tindakan lanjut pihak PTJ.

3. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak PTJ boleh menghubungi Unit Pengurusan Aset JANM Pulau Pinang di talian 04- 2555 531/530/580/550 atau emel kepada upa_png@anm.gov.my. Perhatian dan kerjasama pihak PTJ untuk mematuhi panduan yang ditetapkan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**Unit Pengurusan Aset
JANM Pulau Pinang
14 FEBRUARI 2022**